

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 15 JULAI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 13

Pakar ekonomi yakin Belanjawan 2023 bantu ringan beban M40

Pakar ekonomi yakin Belanjawan 2023 bantu ringan beban M40



Jangkaan
peningkatan
pendapatan.
mampu tangani
kesan inflasi,
kenaikan OPR

Oleh Ercy Gracella Ajos
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pakar ekonomi yakin Belanjawan 2023 yang diumumkan kerajaan pada 24 Februari lalu, berupaya memberi kesan positif kepada golongan B40 dan juga M40 menerusi pelbagai insentif serta manfaat.

Pakar ekonomi, Prof Emeritus Dr Barjyai Bardai, berkata ia termasuk pengurangan kadar cukai sebanyak dua peratus yang mana apabila golongan M40 menerima insentif itu ia akan menambah pendapatan boleh guna. Ia berikutnya, kebanyakannya daripada golongan itu akan terus menggunakan wang untuk berbelanja.

Beliau berkata, apabila mereka berbelanja, sudah pasti ia akan meningkatkan perbelanjaan ini isu rumah di negara ini.

Katanya, meskipun kerajaan sudah membuat keputusan

untuk tidak menggunakan pengelasan B40, M40 dan T20 pada tahun hadapan, sebenarnya bantuan kerajaan yang dilaksanakan kini tidak megehadkan kepada bantuan B40 sahaja.

"Kalau dikaji statistik, dalam setahun atau dua tahun kebelakangan ini, ekonomi Malaysia dipacu besar oleh perbelanjaan persendirian atau isi rumah. Ini melonjakkan lagi ekonomi negara kita."

"Walaupun negara jiran atau negara maju mengalami masalah ekonomi, Malaysia masih berkembang pesat kerana perbelanjaan isi rumah yang meningkat dengan banyak," katanya kepada BH.

Mengulas lanjut, Barjyai berkata kumpulan M40 sebenarnya mendapat faedah luar jangka kerana mereka tidak begitu terjejas dengan kegawatan atau masalah pandemik COVID-19 yang melanda dunia.

"Selain itu, mereka juga boleh meningkatkan tabungan menerusi pelaburan dan akan mendapat faedah yang banyak dalam jangka panjang hasil daripada pelaburan itu."

"Contohnya, mereka secara sukarela menambah simpanan dalam tabung Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang membolehkan mendapat pulangan enam peratus dalam tempoh setahun," katanya.

Tingkat perbelanjaan
Sementara itu, Pensyarah Kanan Jabatan Ekonomi di Fakulti Perniagaan dan Ekonomi Universiti Malaya (UM), Dr Goh Lim Thye, berkata jangkaan peningkatan pendapatan boleh guna sebanyak RM1,300 daripada pengurangan kadar cukai itu sudah pasti akan membantu kumpulan isi rumah M40 dalam menangani kesan inflasi dan kenaikan Kadar Dasar Semalam (ODR) baharu.

Beliau berkata, peningkatan pendapatan boleh guna sebanyak RM1,300 mempunyai beberapa implikasi kepada ekonomi, termasuk meningkatkan perbelanjaan pengguna.

Katanya, apabila orang ramai mempunyai lebih banyak wang untuk dibelanjakan, mereka cenderung untuk membeli barang dan perkhidmatan.

"Perbelanjaan pengguna yang meningkat ini boleh merangsang pertumbuhan ekonomi kerana perniagaan menghadapi peningkatan permintaan, malah mungkin perlu mengupah lebih ramai pekerja bagi memenuhiinya."

"Lebih banyak pendapatan boleh guna, juga menyebabkan kecenderungan berbelanja perkara tidak penting seperti makar di luar, hiburan dan membeli barang pengguna."

"Namun, ini berpotensi memberi manfaat kepada industri runcit dan perkhidmatan de-

ngan meningkatkan jualan serba hasil dan penciptaan pekerjaan," katanya.

Katanya, seseorang individu pula mungkin memilih untuk melarut atau menyimpannya dalam saham, bon atau instrumen kewangan lain apabila terdapat lebih banyak pendapatan boleh guna.

"Simpanan yang bertambah juga boleh menyediakan kumpulan dana untuk bank memberi pinjaman kepada perniagaan, sekali gus menggalakkan pelaburan dan pertumbuhan."

"Justeru, pendapatan boleh guna tambahan boleh digunakan untuk membayar hutang sedia ada, seperti baki kad kredit atau pinjaman."

"Hakikatnya, pengurangan hutang boleh mengurangkan tekanan kewangan dan membebaskan sumber untuk perbelanjaan atau simpanan masa depan," katanya.

• Kumpulan M40 sebenarnya mendapat faedah luar jangka kerana mereka tidak begitu terjejas dengan kegawatan atau masalah pandemik COVID-19 yang melanda dunia

• Pendapatan boleh guna tambahan boleh digunakan untuk membayar hutang sedia ada, seperti baki kad kredit atau pinjaman

Barjyai Bardai,
Pakar ekonomi



Goh Lim Thye,
Pensyarah Kanan Jabatan Ekonomi
di Fakulti Perniagaan dan Ekonomi UM